

Jenis Akhbar : Harian Ekspres (KK)

Tarikh : 13/09/2023

Edisi / Muka Surat : Sabah / 3

Tajuk : Yayasan Infaq ANGKASA wakafkan bangunan RM2.78j

## Yayasan Infaq Angkasa wakafkan bangunan RM2.78j

### Lagatah Toyos

TAWAU: Yayasan Infaq Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad - Angkasa (YIA) mewakafkan sebuah bangunan bernilai RM2.78 juta bagi memperkasakan pembangunan ekonomi rakyat setempat, khususnya umat Islam di daerah ini.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, penyerahan bangunan wakaf YIA - Majlis Ugama Islam Sabah (Muis) itu adalah bukti komitmen pihaknya selaku perintis wakaf koperasi dalam memberi nilai tambah kepada pelaksanaan Pelan Induk Wakaf Nasional (PIWN).

Menurutnya, Yayasan Infaq Angkasa sememangnya proaktif mengambil peluang dalam pembangunan aset wakaf sehingga mendapat pengiktirafan Pentadbir Aset Wakaf oleh Muis dan beberapa Majlis Agama Islam di negeri lain dalam menggerakkan amalan berwakaf secara profesional berlandaskan hukum syarak.

"Sudah tiba masanya badan korporat lain dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri-Negeri menjadikan wakaf sebagai solusi dalam memperkukuhkan aktiviti komuniti setempat dengan disokong tadbir urus yang efektif, selaras aspirasi kerajaan Malaysia Madani," katanya.

Beliau berkata demikian sempena majlis perasmian bangunan Wakaf YIA - Muis yang terletak di Pusat Komersil T2@Apas yang disempurnakan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah, Datuk Dr Mohd Arifin Mohd Arif, di sini, pada Isnin.

Hadir sama, Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Datuk Nizam Abu Bakar Titingan; Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Balung, Datuk Hamid Awang dan Timbalan Yang Dipertua Muis, Ustaz Malai Ali Malai Ahmad.

Dalam pada itu, Dr Abdul Fattah berharap kerajaan memberi pelbagai galakan insentif, khususnya pengecualian cukai kepada organisasi terlibat, bagi memperkasa dan mendorong agensi atau syarikat korporat yang mempunyai dana tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk dimanfaatkan menerusi platform wakaf di negara ini.

Menurutnya, sejak ditubuhkan pada 9 Julai 2021, Yayasan Infaq Angkasa berjaya menyalurkan dana wakaf hampir RM13 juta bagi pembangunan ekonomi rakyat dalam pelbagai sektor pembangunan ekonomi di Malaysia.

Mengulas lanjut, beliau berkata, bangunan Wakaf YIA - Muis di Tawau (Sabah) adalah yang keenam selepas Johor, Pulau Pinang, Pahang, Selangor dan Putrajaya.

"Sejak 2010, kita sudah membelanjakan RM18 juta daripada pungutan RM24 juta untuk pembelian bangunan yang diserahkan (diwakafkan) kepada Majlis Agama Islam Negeri di seluruh Malaysia," katanya.

Dalam pada itu, beliau berharap YIA akan terus meningkatkan hubungan baik dengan Majlis-Majlis Agama Islam Negeri di negara ini bagi memastikan pentadbiran pengurusan harta wakaf lebih sistematik, cekap dan berkesan.

Beliau yakin, kerjasama baik akan berupaya mengoptimalkan penggunaan dan pembangunan aset wakaf.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA